



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
ARAS 2, BANGUNAN DATO'JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR 79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan seperti berikut :-

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
1	Pegawai Psikologi	S41	KONTRAK	Pengurusan & Profesional	Sosial
2	Juruteknik Komputer	FT19	KONTRAK	Pelaksana	Sistem Maklumat

CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong melalui pautan <https://bpsm.johor.gov.my/jawatankosong/> atau dengan mengimbas Kod QR di bawah:



**BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG
DAN SYARAT LANTIKAN**

* Hendaklah menggunakan borang yang dicetak dengan cetakan **BERWARNA** sahaja

2. Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan **gambar berukuran pasport terkini** dan **salinan diakui sah** dokumen-dokumen yang berkaitan seperti berikut :-

- i) Sijil Kelahiran
- ii) Kad Pengenalan
- iii) Sijil Berhenti Sekolah
- iv) Sijil SVM/SPM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2
- v) Sijil Doktor Falsafah/Sarjana/Ijazah Sarjana Muda (S41)
- vi) Sijil-Sijil Akademik Dan Kelayakan Yang Berkaitan
- vii) Salinan semakan Pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)

3. Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat :-

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR,
ARAS 2, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR,
79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR.**

4. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di sudut sebelah atas **kiri smpul surat**.

5. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui ketua jabatan dan disertakan sekali Kenyataan Perkhidmatan yang terkini bertaip dan Salinan Laporan Penilaian Prestasi 3 tahun kebelakang.

6. Calon hendaklah menduduki **Ujian Psikologi** yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

7. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil temuduga.

8. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.

9. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 MEI 2022



Syarat Lantikan

1. **NAMA JAWATAN** : **PEGAWAI PSIKOLOGI**
JABATAN : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL
TARAF JAWATAN : KONTRAK
- GRED JAWATAN/GAJI** : S41
- JADUAL GAJI :
GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM
RM2,078.00 RM9544.00
- KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM225.00
- ELAUN-ELAUN** : Imbuhan Tetap Khidmat Awam
RM300.00
Imbuhan Tetap Perumahan
RM300.00
Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA)
RM350.00
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,281.86); atau

ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains tingkahlaku beserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2, 281.86); atau

(iii) Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2, 690.32); atau

(iv) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,997.32)

- (d) Calon hendaklah mempunyai Lesen Kaunselor Berdaftar dari Lembaga Kaunselor Malaysia.
- (e) Calon hendaklah menduduki ujian Psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- DESKREPSI TUGAS** :
- Bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan bidang psikologi/psikologi klinikal serta memberi perkhidmatan kaunseling seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Kaunseling Kerjaya dan Kaunseling Keluarga kepada Penjawat Awam Negeri Johor.
- PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** :
- Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.



Syarat Lantikan

2. **NAMA JAWATAN** : **JURUTEKNIK KOMPUTER**
JABATAN : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT
TARAF JAWATAN : KONTRAK
- GREED JAWATAN/GAJI** : FT19
- JADUAL GAJI :
GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM
RM1,377.00 RM4,052.00
- KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM100.00
- ELAUN-ELAUN** : Imbuhan Tetap Khidmat Awam
RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan
RM300.00
Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA)
RM350.00
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan adalah pada Gred FT19 : RM 1,377.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan adalah pada Gred FT19 : RM 1,435.12); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan adalah pada Gred FT19 : RM 1,493.24)

(d) Calon hendaklah menduduki ujian Psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

: Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi perkomputeran dan operasi system dalam sesebuah organisasi. Bertanggungjawab mengurus dan mengumpul data-data.

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

: Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.